


## Kongsi amalan terbaik dengan pemenang AAN



Pekan, 13 April – Perkongsian pengalaman amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan pemenang Anugerah Akademik Negara (AAN), Profesor Madya Ir. Hayati Abdullah begitu menarik perhatian peserta program untuk mengetahui kaedah penyampaian yang bertenaga dan berinformasi kepada pelajar.

Profesor Madya Ir. Hayati yang menerima anugerah pada tahun 2010 bagi kategori Kejuruteraan hadir dalam sesi perkongsian anjuran Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC yang diadakan di Dewan Kuliah Utama, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), UMP Pekan.



Beliau yang juga merupakan Pengarah UTMLead, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan juga Pengerusi Institusi Jurutera Malaysia (Cawangan Selatan) menerangkan bahawa salah satu ciri penting untuk melakukan yang terbaik di dalam pengajaran dan pembelajaran adalah melakukan dengan penuh keseronakan dan juga perlu melakukan pengorbanan.

“Pensyarah perlu memikirkan untuk mempraktikkan pembelajaran dengan lebih kreatif, inovatif dan pada masa yang sama perlu berkorban dari segi masa dan juga tenaga untuk melakukan yang terbaik kepada pelajar,” katanya.

Ujarnya, pensyarah juga perlu kreatif seperti melaksanakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), pembelajaran secara integrasi, pembelajaran secara experiential, prinsip-prinsip utama pengajaran, ciri-ciri menjadi guru yang terbaik dan lain – lain lagi.



Beliau juga turut berkongsi berkenaan dengan pendidikan dalam bidang kejuruteraan pada masa kini dan latihan yang diperlukan oleh para pensyarah untuk menjadi jurutera professional.

Baginya, anugerah yang paling berharga sekali adalah kebolehan untuk mengajar dan berkongsi bersama para pelajar yang perlu ada dalam diri setiap pensyarah dalam menyampaikan ilmu dengan berkesan kepada mereka.

Profesor Madya Ir Hayati Abdullah berada selama dua hari di UMP untuk sesi perkongsian amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran dan juga sesi saringan akhir Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2015.





**Berita disediakan oleh Noor Syahidah Sabran dari Unit Inovasi & Amalan Terbaik Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 20-04-2016, 09:38:52